

Bil. S 52

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH SYARIKAT (PINDAAN), 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Syarikat (Pindaan), 2001.

Pindaan bab 163 dari Penggal 39.

2. Perenggan (a) bab 163 dari Akta Syarikat, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda dengan memotong "\$500" dan menggantikannya dengan "\$10,000".

Tambahan Jadual baru.

3. Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah Jadual baru yang berikut —

"JADUAL KEEMPAT BELAS

Aturan-Aturan Syarikat (Pengurusan Kehakiman), 2001

Gelaran.

1. Aturan-aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Syarikat (Pengurusan Kehakiman), 2001.

Tafsiran.

2. Kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, dalam Aturan-Aturan ini —

(1) sebutan-sebutan kepada nombor bab adalah sebutan-sebutan kepada bab-bab Akta Syarikat;

(2) sebutan-sebutan kepada nombor aturan adalah sebutan-sebutan kepada aturan-aturan dari Aturan-Aturan Syarikat (Pengurusan Kehakiman), 2001.

Pengenaan.

3. (1) Aturan-aturan 4 hingga 7 dikenakan jika suatu petisyen dikemukakan oleh Menteri Kewangan di bawah bab 149J dan tidak dikenakan jika suatu petisyen dikemukakan oleh mana-mana orang lain di bawah bab 149K.

(2) Aturan-aturan 8 hingga 16 dikenakan jika suatu petisyen dikemukakan oleh mana-mana orang di bawah bab 149H dan tidak dikenakan jika suatu petisyen dikemukakan oleh Menteri Kewangan di bawah bab 149J.

(3) Aturan 17 dikenakan jika suatu petisyen dikemukakan oleh Menteri Kewangan atau oleh mana-mana orang lain.

(4) Kecuali jika dinyatakan dengan jelas sebaliknya, aturan-aturan 18 hingga 40, 42, 44, 46 hingga 50 dan 52 hingga 55 dikenakan jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman dibuat atas petisyen Menteri Kewangan atau mana-mana orang lain.

Bentuk petisyen yang dibuat oleh Menteri Kewangan.

4. (1) Petisyen itu hendaklah menyatakan nama dan alamat penyampaian syarikat dan hendaklah menyatakan nama dan alamat orang yang dicadangkan akan dilantik menjadi Pengurus Kehakiman.

(2) Jika maksud-maksud atau salah satu maksud perintah Pengurusan Kehakiman itu dipohonkan adalah bagi menggalakkan kepentingan awam, petisyen itu hendaklah menyatakan maksud tersebut.

Afidavit bagi menyokong petisyen yang dibuat oleh Menteri Kewangan.

5. (1) Suatu afidavit bagi menyokong petisyen itu hendaklah dibuat dengan mengangkat sumpah oleh atau bagi pihak Menteri Kewangan atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa untuk berbuat demikian bagi pihaknya.

(2) Afidavit itu hendaklah menyatakan —

(a) kepercayaan saksi sumpah bahawa pembuatan suatu perintah Pengurusan Kehakiman adalah bagi kepentingan awam;

(b) maksud-maksud mana yang dinyatakan dalam bab 149J(3) dijangka akan dicapai dengan pembuatan perintah itu; dan

(c) perkara-perkara lain yang dianggap oleh saksi sumpah akan dapat membantu Mahkamah dalam memutuskan sama ada untuk membuat suatu perintah Pengurusan Kehakiman.

Pemfailan petisyen oleh Menteri Kewangan.

6. (1) Petisyen itu hendaklah difailkan di dalam Mahkamah, dengan beberapa salinan yang mencukupi untuk disampaikan dan digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam aturan 7(1).

(2) Setiap salinan yang diserahkan hendaklah dibubuh pada salinan itu dengan meterai Mahkamah dan dikeluarkan kepada Menteri Kewangan; dan pada setiap salinan hendaklah dicatatkan tarikh dan masa memfailkan.

(3) Tertakluk kepada aturan 7(2), Mahkamah hendaklah menetapkan suatu tarikh, masa dan tempat bagi mendengar petisyen itu dan ini hendaklah dicatatkan pada setiap salinan petisyen yang dikeluarkan di bawah aturan kecil (2).

Penyampaian petisyen dan affidavit.

7. (1) Tertakluk kepada aturan 7(2), petisyen dan affidavit itu hendaklah disampaikan tidak kurang dari 5 hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mendengarnya dan hendaklah disampaikan kepada —

(a) syarikat tersebut, dengan menyerahkannya kepada pejabat berdaftarnya atau kepada tempat perniagaannya yang terakhir diketahui di Negara Brunei Darussalam atau kepada mana-mana pengarah di alamat mereka yang betul atau biasa atau terakhir diketahui atau dengan cara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah;

(b) mana-mana orang yang memegang suatu cagaran ke atas semua atau pada keseluruhannya semua harta syarikat tersebut yang, sebagaimana yang diwujudkan, merupakan cagaran terapan; dan

(c) jika terdapat petisyen yang belum lagi diputuskan bagi pengurangan syarikat tersebut, kepada pempetisyen dan kepada mana-mana penyelesaian hutang-piutang sementara.

(2) Dengan tidak menghiraukan aturan 7(1), Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut —

(a) mendengar petisyen Menteri Kewangan sebaik sahaja petisyen itu dikemukakan;

(b) mengecualikan penyampaian atau memendekkan masa penyampaian, kepada semua atau mana-mana orang yang dinyatakan di atas; dan

(c) membuat suatu perintah Pengurusan Kehakiman dengan serta-merta.

Afidavit bagi menyokong petisyen di bawah bab 149H.

8. (1) Jika dicadangkan untuk memohon kepada Mahkamah dengan petisyen di bawah bab 149K bagi suatu perintah Pengurusan Kehakiman dibuat berkenaan dengan suatu syarikat di bawah bab 149H, suatu afidavit yang mematuhi aturan 10 mestilah disediakan dan dibuat dengan mengangkat sumpah, dengan tujuan afidavit itu difailkan di dalam Mahkamah bagi menyokong petisyen itu.

(2) Jika petisyen itu dikemukakan oleh syarikat tersebut atau oleh pengarah-pengarah, afidavit itu mestilah dibuat oleh salah seorang pengarah, atau setiausaha syarikat tersebut, yang menyatakan dia sendiri akan membuatnya bagi pihak syarikat tersebut atau, mengikut mana yang berkenaan, bagi pihak pengarah-pengarah.

(3) Jika petisyen itu dikemukakan oleh pemiutang-pemiutang, afidavit itu mestilah dibuat oleh seseorang yang bertindak dengan kebenaran mereka semua, sama ada atau tidak dia sendiri adalah salah seorang daripada mereka. Dalam sebarang hal mestilah dinyatakan dalam afidavit itu jenis kebenarannya dan cara dia mengetahui perkara-perkara yang disebut dalam afidavit itu.

Laporan bebas mengenai urusan syarikat.

9. (1) Bolehlah disediakan, dengan tujuan untuk ditunjukkan dalam afidavit itu bagi menyokong petisyen itu, suatu laporan oleh orang bebas yang bermaksud bahawa lantikan Pengurus Kehakiman bagi syarikat itu adalah mustahak.

(2) Laporan itu boleh dibuat oleh orang yang dicadangkan menjadi Pengurus Kehakiman atau Pengurus Eksekutif, atau oleh mana-mana orang lain yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai urusan syarikat tersebut, yang bukan pengarah, setiausaha, pengurus, ahli atau pekerja syarikat tersebut.

(3) Laporan itu hendaklah menyatakan maksud-maksud yang, pada pendapat orang yang menyediakannya, boleh dicapai bagi syarikat tersebut dengan pembuatan suatu perintah Pengurusan Kehakiman, iaitu maksud-maksud yang khusus dinyatakan dalam bab 149I.

Isi kandungan afidavit.

10. (1) Afidavit itu hendaklah menyatakan —

(a) kepercayaan saksi sumpah bahawa syarikat tersebut tidak mampu, atau mungkin menjadi tidak mampu, untuk membayar hutang-hutangnya, atau bahawa nilai aset syarikat tersebut adalah kurang dari jumlah liabilitinya, dengan mengambil kira liabiliti kontingen dan prospektifnya, dan alasan kepercayaan itu; dan

(b) maksud-maksud mana yang dinyatakan dalam bab 149I dijangka akan dicapai dengan pembuatan suatu perintah Pengurusan Kehakiman.

(2) Hendaklah diberikan dalam afidavit itu suatu penyata mengenai kedudukan kewangan syarikat tersebut, dengan menyatakan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saksi sumpah, aset dan liabiliti, termasuk liabiliti kontingen dan prospektifnya.

(3) Butir-butir hendaklah diberikan mengenai sebarang sekuriti yang diketahui atau dipercayai dipegang oleh pemiutang-pemiutang syarikat tersebut.

(4) Jika sebarang petisyen telah dikemukakan bagi penggulangan syarikat tersebut, butir-butirnya hendaklah diberikan dalam afidavit itu, setakat yang diketahui langsung oleh saksi sumpah.

(5) Jika terdapat perkara-perkara lain yang, pada pendapat mereka yang bermaksud hendak mengemukakan petisyen bagi suatu perintah Pengurusan Kehakiman, akan membantu Mahkamah dalam memutuskan sama ada untuk membuat perintah tersebut, perkara-perkara itu setakat mana ada dalam pengetahuan atau kepercayaan saksi sumpah hendaklah juga dinyatakan.

(6) Jika suatu laporan telah disediakan bagi syarikat tersebut di bawah aturan 9, fakta itu hendaklah dinyatakan.

Bentuk petisyen di bawah bab 149H.

11. (1) Jika dikemukakan oleh syarikat tersebut atau oleh pengarah-pengarah, petisyen itu hendaklah menyatakan nama syarikat tersebut dan alamat penyampaian, yang sekiranya tiada sebab-sebab khas yang berlawanan, adalah alamat pejabat berdaftar syarikat tersebut.

(2) Jika dikemukakan oleh pemiutang tunggal, petisyen itu hendaklah menyatakan nama dan alamat penyampaian.

(3) Jika petisyen itu dikemukakan oleh pengarah-pengarah, petisyen itu hendaklah menyatakan bahawa ia dikemukakan demikian di bawah bab 149K;

tetapi mulai dari dan selepas pengemukaannya ia akan disifatkan bagi segala maksud sebagai petisyen syarikat tersebut.

(4) Jika petisyen itu dikemukakan oleh dua pemiutang atau lebih, petisyen itu hendaklah menyatakan ia dikemukakan demikian, dengan menamakan mereka; tetapi mulai dari dan selepas pengemukaannya ia akan disifatkan bagi segala maksud sebagai petisyen salah seorang daripada mereka sahaja, yang dinamakan dalam petisyen itu sebagai mempetisyen bagi pihak dirinya dan pemiutang-pemiutang lain. Alamat penyampaian orang itu hendaklah dinyatakan.

(5) Petisyen itu hendaklah menyatakan nama dan alamat orang yang dicadangkan hendak dilantik menjadi Pengurus Kehakiman.

(6) Hendaklah ditunjukkan dalam affidavit itu bagi menyokong petisyen itu —

(a) satu salinan petisyen itu;

(b) suatu persetujuan bertulis oleh Pengurus Kehakiman yang dicadangkan untuk menerima lantikan, jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman dibuat; dan

(c) jika suatu laporan telah disediakan di bawah aturan 9, satu salinan laporan itu.

Pemfailan petisyen di bawah bab 149H.

12. (1) Petisyen dan affidavit itu hendaklah difailkan di dalam Mahkamah, dengan beberapa salinan yang mencukupi untuk disampaikan dan digunakan sebagaimana yang diperuntukkan oleh aturan 13.

(2) Setiap salinan yang diserahkan hendaklah dibubuh pada salinan itu dengan meterai Mahkamah dan dikeluarkan kepada pempetisyen; dan pada setiap salinan hendaklah dicatatkan tarikh dan masa memfailkan.

(3) Mahkamah hendaklah menetapkan suatu tarikh, masa dan tempat bagi mendengar petisyen itu dan ini juga hendaklah dicatatkan pada setiap salinan petisyen yang dikeluarkan di bawah aturan kecil (2).

(4) Setelah petisyen itu difailkan, adalah menjadi kewajipan pempetisyen untuk memberitahu Mahkamah secara bertulis mengenai sebarang petisyen penggulingan yang dikemukakan terhadap syarikat tersebut, sebaik saja dia mengetahuinya.

Penyampaian petisyen.

13. (1) Dalam aturan-aturan kecil aturan ini yang berikut, sebutan-sebutan kepada petisyen adalah sebutan-sebutan kepada salinan petisyen yang dikeluarkan oleh Mahkamah di bawah aturan 12(2) berserta dengan affidavit bagi menyokong petisyen itu dan dokumen, selain dari salinan petisyen tersebut, yang ditunjukkan dalam affidavit itu.

(2) Petisyen itu hendaklah disampaikan —

(a) kepada Menteri Kewangan;

(b) jika terdapat petisyen yang belum lagi diputuskan bagi penggulangan syarikat tersebut, kepada pempetisyen dan juga kepada penyelesaian hutang-piutang sementara, jika ada; dan

(c) kepada orang yang dicadangkan menjadi Pengurus Kehakiman.

(3) Jika petisyen bagi pembuatan suatu perintah Pengurusan Kehakiman dikemukakan oleh pemiutang-pemiutang syarikat tersebut, petisyen itu hendaklah disampaikan kepada syarikat tersebut.

Cara bagaimana penyampaian dilakukan.

14. (1) Penyampaian petisyen itu menurut aturan 13 hendaklah dilakukan oleh pempetisyen, atau peguamcaranya, atau oleh seseorang yang diarahkan olehnya atau peguamcaranya, tidak kurang dari 5 hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengarannya.

(2) Penyampaian hendaklah dilakukan seperti berikut —

(a) kepada syarikat tersebut, tertakluk kepada aturan kecil (3), dengan menyerahkan dokumen-dokumen itu kepada pejabat berdaftaranya;

(b) kepada mana-mana orang lain, tertakluk kepada aturan kecil (4), dengan menyerahkan dokumen-dokumen itu kepada alamatnya yang betul;

(c) dalam salah satu hal, dengan cara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah.

(3) Jika penyerahan kepada pejabat berdaftar syarikat tersebut tidak dapat dilaksanakan, penyampaian boleh dilakukan dengan menyerahkan kepada tempat perniagaan utamanya yang terakhir diketahui di Negara Brunei Darussalam atau dengan menyampaikan kepada mana-mana pengarah di alamat mereka yang betul

atau biasa atau terakhir diketahui atau dengan cara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah.

(4) Bagi maksud-maksud aturan kecil (2)(b), alamat seseorang yang betul adalah mana-mana alamat yang dahulunya telah diberitahu olehnya sebagai alamat penyampaian; tetapi jika dia tidak memberitahu mana-mana alamat tersebut, penyampaian boleh dilakukan dengan menyerahkan kepada alamatnya yang biasa atau terakhir diketahui.

Bukti penyampaian.

15. (1) Penyampaian petisyen itu hendaklah disahkan dengan afidavit, yang menyatakan, tarikh bila, dan cara bagaimana, penyampaian dilakukan.

(2) Afidavit itu, dengan salinan bermeterai petisyen itu yang ditunjukkan di dalamnya, hendaklah difailkan dengan serta-merta di dalam Mahkamah setelah disampaikan, dan dalam sebarang hal tidak kurang dari sehari sebelum petisyen itu didengar.

Pendengaran.

16. (1) Semasa petisyen itu didengar, mana-mana yang berikut boleh hadir atau diwakili —

(a) pempetisyen;

(b) syarikat tersebut;

(c) mana-mana orang yang memegang suatu cagaran ke atas semua atau pada keseluruhannya semua harta syarikat tersebut yang, sebagaimana yang diwujudkan, merupakan cagaran terapung;

(d) mana-mana penerima atau pengurus yang dilantik berkenaan dengan semua atau pada keseluruhannya semua harta syarikat tersebut;

(e) mana-mana orang yang telah mengemukakan suatu petisyen bagi penggulangan syarikat tersebut;

(f) orang yang dicadangkan untuk dilantik menjadi Pengurus Kehakiman; dan

(g) dengan kebenaran Mahkamah, mana-mana orang lain yang ternyata mempunyai kepentingan yang membenarkannya untuk hadir.

(2) Jika Mahkamah membuat suatu perintah Pengurusan Kehakiman, kos pempetisyen, dan mana-mana orang yang hadir yang kosnya dibenarkan oleh Mahkamah, adalah kena dibayar sebagai perbelanjaan Pengurusan Kehakiman.

Kesan pengemukakan petisyen.

17. (1) Dalam tempoh yang bermula dengan pengemukakan suatu petisyen bagi suatu perintah Pengurusan Kehakiman dan berakhir dengan pembuatan perintah tersebut atau penolakan petisyen itu —

(a) tiada resolusi boleh diluluskan atau perintah dibuat bagi pengurangan syarikat tersebut;

(b) tiada langkah boleh diambil untuk melaksanakan sebarang sekuriti ke atas harta syarikat tersebut, atau untuk memiliki semula barang-barang yang dimiliki oleh syarikat tersebut di bawah sebarang perjanjian sewa beli;

(c) tiada prosiding undang-undang lain dan tiada pelaksanaan atau proses undang-undang lain boleh dimulakan atau diteruskan, dan tiada distres boleh dikenakan, terhadap syarikat tersebut atau hartanya kecuali dengan kebenaran Mahkamah dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Mahkamah.

(2) Dalam aturan ini sebutan-sebutan kepada perjanjian sewa beli termasuk perjanjian penjualan bersyarat, perjanjian pajakan catel dan perjanjian pengekalan hakmilik.

Notis dan pemberitahuan perintah Pengurusan Kehakiman.

18. (1) Jika Mahkamah membuat suatu perintah Pengurusan Kehakiman, ia hendaklah dengan serta-merta memberi notis kepada orang yang dilantik menjadi Pengurus Kehakiman.

(2) Dengan serta-merta setelah perintah itu dibuat, perintah itu hendaklah diwartakan oleh Pengurus Kehakiman atau sebagaimana yang mungkin diarahkan sebaliknya oleh Mahkamah.

(3) Pengurus Kehakiman hendaklah juga dengan serta-merta memberi notis mengenai pembuatan perintah itu —

(a) jika terdapat petisyen yang belum lagi diputuskan bagi pengurangan syarikat tersebut, kepada pempetisyen dan juga kepada penyelesaian hutang-piutang sementara, jika ada; dan

(b) kepada Pendaftar Syarikat.

(4) Dua salinan bermeterai perintah itu hendaklah dihantar oleh Mahkamah kepada Pengurus Kehakiman, satu dari dua salinan bermeterai itu hendaklah dihantar olehnya kepada Pendaftar Syarikat, dan satu salinannya hendaklah diberikan oleh Pengurus Kehakiman kepada mana-mana Pengurus Eksekutif.

(5) Jika di bawah bab 149J atau 149K Mahkamah membuat sebarang perintah lain, Mahkamah hendaklah memberi arahan tentang orang-orang yang kepadanya, dan bagaimana, notis mengenainya hendak diberikan.

Notis yang menghendaki penyata urusan.

19. (1) Jika Pengurus Kehakiman memutuskan untuk menghendaki suatu penyata mengenai urusan syarikat tersebut disediakan dan dikemukakan kepadanya menurut bab 149T, dia hendaklah menghantar notis kepada tiap-tiap orang yang dianggapnya patut dipertanggungjawabkan di bawah bab itu, yang menghendaki mereka untuk menyediakan dan mengemukakan penyata tersebut.

(2) Orang-orang yang dihantar dengan notis itu disebut dalam aturan ini dan dalam aturan-aturan 20 dan 22 sebagai "saksi sumpah".

(3) Notis itu hendaklah memberitahu tiap-tiap saksi sumpah —

(a) tentang nama-nama dan alamat-alamat semua orang lain, jika ada, yang telah dihantar dengan notis yang sama;

(b) tentang masa bila penyata tersebut mesti diserahkan;

(c) tentang kesan bab 149U; dan

(d) tentang pengenalan kepadanya, dan kepada tiap-tiap saksi sumpah lain, bab 149N.

Pengesahan dan pemfailan.

20. (1) Penyata urusan itu hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengurus Kehakiman, dan hendaklah disahkan dengan affidavit oleh saksi sumpah dengan menggunakan borang yang sama.

(2) Pengurus Kehakiman boleh menghendaki supaya mana-mana orang yang disebutkan dalam bab 149T(2) mengemukakan suatu affidavit persetujuan, yang menyatakan bahawa dia bersetuju dengan penyata urusan itu.

(3) Suatu affidavit persetujuan boleh bersyarat berkaitan dengan perkara-perkara yang ditangani dalam penyata urusan itu, jika orang yang membuat affidavit itu tidak bersetuju dengan saksi sumpah, atau dia menganggap penyata

tersebut sebagai silap atau mengelirukan, atau dia tanpa langsung mengetahuinya perlu mempersetujuinya.

(4) Penyata urusan itu hendaklah diserahkan kepada Pengurus Kehakiman oleh saksi sumpah yang membuat affidavit pengesahan itu atau oleh salah seorang daripada mereka, jika lebih daripada seorang, berserta dengan satu salinan penyata yang telah disahkan.

(5) Setiap affidavit persetujuan hendaklah diserahkan oleh orang yang membuatnya, berserta dengan satu salinan.

(6) Pengurus Kehakiman hendaklah memfailkan salinan yang telah disahkan bagi penyata itu, dan affidavit persetujuan, jika ada, di dalam Mahkamah.

Pendedahan terhad.

21. (1) Jika Pengurus Kehakiman memikirkan bahawa perjalanan Pengurusan Kehakiman akan terjejas dengan pendedahan seluruhnya atau sebahagian dari penyata urusan itu, dia boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah pendedahan terhad berkaitan dengan penyata itu, atau mana-mana bahagiannya yang tertentu.

(2) Mahkamah boleh atas permohonan itu memerintahkan supaya penyata tersebut atau, mengikut mana yang berkenaan, bahagiannya yang tertentu, tidak difailkan di dalam Mahkamah, atau supaya ia difailkan secara berasingan dan tidak terbuka untuk pemeriksaan melainkan dengan kebenaran Mahkamah.

(3) Perintah Mahkamah boleh termasuk arahan tentang penyerahan dokumen-dokumen kepada Pendaftar Syarikat dan pendedahan maklumat yang berkenaan kepada orang lain.

Perbelanjaan penyata urusan.

22. (1) Saksi sumpah yang membuat penyata urusan dan affidavit itu hendaklah diberikan, dan dibayar oleh Pengurus Kehakiman dari wang masuknya, sebarang perbelanjaan yang dilakukan oleh saksi sumpah itu dalam berbuat demikian yang dianggap munasabah oleh Pengurus Kehakiman.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam aturan ini melepaskan saksi sumpah dari sebarang kewajipan berkenaan dengan penyediaan, pengesahan dan pengemukaan penyata urusan itu, atau pemberian maklumat kepada Pengurus Kehakiman.

Aturan-aturan 24 hingga 26 tidak dikenakan.

23. Aturan-aturan 24 hingga 26 tidak dikenakan jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman telah dibuat atas petisyen Menteri Kewangan dan satu-satunya tujuan atau salah satu tujuan yang hendak dicapai dengan pembuatan perintah itu adalah bagi menggalakkan kepentingan awam.

Cadangan Pengurus Kehakiman.

24. Jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman telah dibuat, Pengurus Kehakiman hendaklah dalam masa 3 bulan dari tarikh lantikannya atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Mahkamah —

(a) merumuskan dan menghantar kepada semua pemiutang syarikat tersebut setakat mana dia mengetahui alamat-alamat mereka, suatu pernyataan mengenai cadangannya bagi mencapai tujuan-tujuan perintah Pengurusan Kehakiman itu dibuat; dan

(b) mengemukakan satu salinan pernyataan itu kepada mesyuarat pemiutang-pemiutang syarikat tersebut yang dipanggil bagi maksud itu dengan notis tidak kurang dari 14 hari.

Pernyataan hendaklah dilampirkan pada cadangan.

25. (1) Hendaklah dilampirkan pada cadangan Pengurus Kehakiman, apabila dikemukakan kepada mesyuarat pemiutang-pemiutang yang akan dipanggil di bawah aturan 24, suatu pernyataan olehnya yang menunjukkan —

(a) butir-butir berhubung dengan lantikannya sebagai Pengurus Kehakiman, tujuan-tujuan suatu perintah Pengurusan Kehakiman dipohonkan dan dibuat, dan sebarang perubahan tujuan-tujuan tersebut yang kemudiannya;

(b) nama-nama pengarah dan setiausaha syarikat tersebut;

(c) suatu keterangan mengenai hal keadaan yang menyebabkan permohonan bagi suatu perintah Pengurusan Kehakiman;

(d) jika suatu penyata urusan telah dikemukakan, satu salinan atau ringkasannya, dengan ulasan Pengurus Kehakiman, jika ada;

(e) jika penyata urusan tiada dikemukakan, butir-butir kedudukan kewangan syarikat tersebut pada tarikh terbaru yang boleh yang semestinya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya, suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh perintah Pengurusan Kehakiman itu;

(f) cara bagaimana urusan dan perniagaan syarikat tersebut —

- (i) sejak tarikh lantikan Pengurus Kehakiman, telah diurus dan dibiayai; dan
- (ii) jika cadangan Pengurus Kehakiman dibenarkan, akan terus diurus dan dibiayai; dan

(g) maklumat lain, jika ada, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengurus Kehakiman untuk membolehkan pemiutang-pemiutang memutuskan sama ada atau tidak untuk mengundi bagi menerima pakai cadangan tersebut.

Mesyuarat pemiutang-pemiutang.

26. (1) Mesyuarat pemiutang-pemiutang yang dipanggil di bawah aturan 24 hendaklah memutuskan sama ada atau tidak untuk membenarkan cadangan Pengurus Kehakiman.

(2) Mesyuarat tersebut boleh membenarkan cadangan Pengurus Kehakiman dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian, tetapi tidaklah boleh berbuat demikian melainkan jika Pengurus Kehakiman bersetuju dengan setiap pengubahsuaian.

(3) Jika mesyuarat tersebut membenarkan cadangan Pengurus Kehakiman, dia hendaklah mengurus urusan, perniagaan dan harta menurut cadangan tersebut tertakluk kepada penyemakan yang mungkin dibuat dari masa ke semasa.

(4) Jika mesyuarat tersebut enggan membenarkan cadangan Pengurus Kehakiman, atas permohonan Pengurus Kehakiman Mahkamah boleh melepaskan perintah Pengurusan Kehakiman itu dan membuat peruntukan-peruntukan yang berbangkit sebagaimana yang difikirkannya patut, atau membuat sebarang perintah lain yang difikirkannya patut.

Perintah pengurusan kehakiman di bawah bab 149J.

27. (1) Aturan ini dikenakan kepada suatu perintah Pengurusan Kehakiman yang dibuat atas petisyen Menteri Kewangan di bawah bab 149J jika satu-satunya tujuan atau salah satu tujuan yang hendak dicapai dengan pembuatan perintah tersebut adalah bagi menggalakkan kepentingan awam.

(2) Pengurus Kehakiman hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, merumuskan cadangannya bagi mencapai tujuan-tujuan perintah Pengurusan Kehakiman itu dibuat dan mengemukakan kepada Menteri Kewangan.

(3) Jika Menteri Kewangan membenarkan cadangan tersebut, Pengurus Kehakiman hendaklah mengurus urusan, perniagaan dan harta syarikat tersebut menurut cadangan itu.

(4) Jika Menteri Kewangan enggan membenarkan cadangan Pengurus Kehakiman, Mahkamah boleh melepaskan perintah Pengurusan Kehakiman itu dan membuat peruntukan-peruntukan yang berbangkit sebagaimana yang difikirkannya patut, atau membuat sebarang perintah lain yang difikirkannya patut.

(5) Jika Pengurus Kehakiman memikirkan patut, dan jika Menteri Kewangan menganggapnya mustahak bagi kepentingan awam dan mengarahkan demikian, Pengurus Kehakiman boleh —

(a) mengemukakan suatu pernyataan mengenai cadangannya yang mengandungi maklumat yang disebut dalam aturan 25 sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Pengurus Kehakiman kepada mesyuarat pemiutang-pemiutang syarikat tersebut yang dipanggil untuk tujuan itu. Mesyuarat pemiutang-pemiutang tersebut tidaklah berhak untuk mengundi atas, membenarkan, enggan membenarkan, atau mengubahsuai cadangan itu, tetapi Pengurus Kehakiman boleh, jika difikirkannya patut, memberi perhatian kepada sebarang pandangan yang diluahkan pada mesyuarat tersebut; dan

(b) menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* suatu notis yang menyatakan suatu alamat yang kepadanya ahli-ahli syarikat tersebut patut menulis bagi mendapatkan salinan-salinan pernyataan cadangan yang akan dikirimkan kepada mereka secara percuma.

Mesyuarat untuk menimbangkan cadangan Pengurus Kehakiman.

28. (1) Notis mesyuarat pemiutang-pemiutang yang akan dipanggil di bawah aturan 24 atau, jika mesyuarat itu dipanggil, di bawah aturan 27, hendaklah diberikan kepada semua pemiutang syarikat tersebut yang dikenalpasti dalam penyata urusan itu, atau diketahui oleh Pengurus Kehakiman dan mempunyai tuntutan terhadap syarikat tersebut pada tarikh perintah Pengurusan Kehakiman itu.

(2) Notis itu hendaklah menyatakan tujuan mesyuarat tersebut, mengandungi suatu pernyataan tentang kesan aturan 30 dan dengan notis yang memanggil mesyuarat tersebut hendaklah dikirimkan borang-borang proksi.

(3) Notis mesyuarat tersebut hendaklah juga, melainkan jika Mahkamah mengarahkan sebaliknya, diberikan dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Notis untuk menghadiri mesyuarat tersebut hendaklah dikirimkan pada masa yang sama kepada mana-mana pengarah atau pegawai syarikat tersebut termasuk orang-orang yang dahulunya pernah menjadi pengarah atau pegawai, yang kehadiran mereka pada mesyuarat tersebut adalah, pada pendapat Pengurus Kehakiman, dikehendaki.

(5) Mesyuarat tersebut boleh dari masa ke semasa ditangguhkan, jika pengerusi memikirkan patut, tetapi selama tidak lebih dari 14 hari dari tarikh mesyuarat tersebut ditetapkan untuk bermula.

Pengerusi pada mesyuarat.

29. Pada mana-mana mesyuarat pemiutang-pemiutang yang dipanggil oleh Pengurus Kehakiman, sama ada dia hendaklah menjadi pengerusi atau seseorang yang dinamakan olehnya secara bertulis untuk bertindak bagi menggantikan tempatnya.

Hak untuk mengundi.

30. (1) Tertakluk seperti berikut, pada mesyuarat pemiutang-pemiutang dalam prosiding Pengurusan Kehakiman seseorang adalah berhak untuk mengundi hanya jika —

(a) dia telah memberikan kepada Pengurus Kehakiman, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari perniagaan sebelum hari yang ditetapkan bagi mesyuarat tersebut, butir-butir secara bertulis mengenai hutang yang dituntut olehnya yang kena dibayar kepadanya dari syarikat tersebut dan tuntutan itu telah sempurna diterima di bawah peruntukan-peruntukan aturan ini yang berikut; dan

(b) ada diserahkan kepada Pengurus Kehakiman mana-mana proksi yang dimaksudkan untuk digunakan olehnya bagi pihaknya.

Butir-butir hutang mestilah termasuk sebarang kiraan bagi maksud-maksud aturan 32 hingga 34.

(2) Pengerusi mesyuarat tersebut boleh membenarkan seorang pemiutang untuk mengundi, walaupun dia gagal mematuhi aturan kecil (1)(a) jika berpuashati bahawa kegagalannya itu adalah disebabkan oleh hal keadaan di luar kawalan pemiutang tersebut.

(3) Pengurus Kehakiman atau, jika orang lain, pengerusi mesyuarat tersebut boleh meminta sebarang dokumen atau keterangan lain untuk dikemukakan kepadanya, jika difikirkannya perlu bagi maksud mengesahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian tuntutan itu.

(4) Undi-undi adalah dikira mengikut jumlah hutang pemiutang sehingga tarikh perintah Pengurusan Kehakiman itu, dengan menolak sebarang jumlah wang yang dibayar berkaitan dengan hutang itu selepas tarikh tersebut.

(5) Seorang pemiutang tidaklah boleh mengundi berkaitan dengan suatu hutang bagi suatu jumlah yang tidak ditentukan banyaknya, atau sebarang hutang yang nilainya tidak ditentukan, kecuali jika pengerusi memutuskan untuk mengira hutang itu dengan suatu nilai anggaran bagi maksud-maksud hak untuk mengundi dan menerima tuntutan tersebut bagi maksud itu.

Penerimaan dan penolakan tuntutan.

31. (1) Pada mana-mana mesyuarat pemiutang-pemiutang pengerusi mempunyai kuasa untuk menerima atau menolak tuntutan seorang pemiutang bagi maksud supaya pemiutang itu berhak untuk mengundi; dan kuasa itu boleh dijalankan berkenaan dengan keseluruhan atau mana-mana bahagian tuntutan tersebut.

(2) Keputusan pengerusi di bawah aturan ini, atau berkaitan dengan sebarang perkara yang berbangkit di bawah aturan 30, adalah tertakluk kepada rayuan kepada Mahkamah oleh mana-mana pemiutang.

(3) Jika pengerusi ragu-ragu sama ada suatu tuntutan patut diterima atau ditolak, dia hendaklah menandakannya sebagai dibantah dan membenarkan pemiutang itu untuk mengundi, tertakluk kepada undinya diisytiharkan tidak sah kemudiannya jika bantahan terhadap tuntutan itu dibenarkan.

(4) Jika atas suatu rayuan keputusan pengerusi dibatalkan atau diubah, atau undi pemiutang diisytiharkan tidak sah, Mahkamah boleh memerintahkan supaya satu lagi mesyuarat dipanggil, atau membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkannya adil.

(5) Dalam hal mesyuarat yang dipanggil di bawah aturan 24 untuk menimbangkan cadangan Pengurus Kehakiman, suatu permohonan kepada Mahkamah dengan cara rayuan di bawah aturan ini terhadap suatu keputusan pengerusi tidaklah boleh dibuat lewat dari 28 hari selepas tarikh mesyuarat tersebut.

(6) Pengurus Kehakiman atau mana-mana orang yang dinamakan olehnya sebagai pengerusi tidaklah bertanggungjawab sendiri terhadap kos yang dilakukan oleh mana-mana orang berkaitan dengan suatu rayuan kepada Mahkamah di bawah aturan ini, melainkan jika Mahkamah membuat suatu perintah bagi maksud itu.

Pemiutang bercagar.

32. Pada mesyuarat pemiutang-pemiutang seorang pemiutang bercagar adalah berhak untuk mengundi hanya berkaitan dengan baki hutangnya, jika ada, selepas menolak nilai cagarannya yang dianggarkan olehnya.

Pemegang suratcara boleh niaga.

33. Seorang pemiutang tidaklah boleh mengundi berkaitan dengan suatu hutang atas, atau yang dicagarkan dengan, suatu bil pertukaran atau nota janji hutang semasa, melainkan jika dia mahu —

(a) menyifatkan liabiliti kepadanya atas bil atau nota setiap orang yang sebelum itu bertanggung atasnya kepada syarikat tersebut, dan yang terhadapnya suatu perintah penerimaan belum dibuat atau, dalam hal suatu syarikat, yang belum diletakkan dalam penyelesaian hutang piutang, sebagai suatu sekuriti yang dipegang olehnya; dan

(b) menganggar nilai sekuriti itu dan, bagi maksud supaya dia berhak untuk mengundi, menolaknya dari tuntutananya.

Pemiutang pengekalan hakmilik.

34. Bagi maksud hak untuk mengundi pada mesyuarat pemiutang-pemiutang dalam prosiding Pengurusan Kehakiman, penjual barang-barang kepada syarikat tersebut di bawah suatu perjanjian pengekalan hakmilik hendaklah menolak dari tuntutananya nilai, yang dianggarkan olehnya, sebarang hak yang berbangkit di bawah perjanjian itu berkaitan barang-barang yang dimiliki oleh syarikat tersebut.

Perjanjian sewa beli, penjualan bersyarat dan pajakan catel.

35. (1) Tertakluk seperti berikut, pemilik barang-barang di bawah suatu perjanjian sewa beli atau pajakan catel, atau penjual barang-barang di bawah suatu perjanjian penjualan bersyarat, adalah berhak untuk mengundi berkaitan dengan jumlah hutang yang genap masanya dibayar dan kena dibayar kepadanya oleh syarikat tersebut sehingga tarikh perintah Pengurusan Kehakiman itu.

(2) Dalam mengira jumlah sebarang hutang bagi maksud ini, sebarang jumlah disebabkan perjalanan sebarang hak di bawah perjanjian yang berkaitan tidak akan diambil kira, setakat mana hak itu menjadi boleh dijalankan semata-mata menurut petisyen yang dikemukakan bagi suatu perintah Pengurusan Kehakiman atau sebarang perkara yang berbangkit akibat darinya, atau perintah yang dibuat itu.

Resolusi dan minit.

36. (1) Tertakluk kepada aturan kecil (2), pada mesyuarat pemiutang-pemiutang dalam prosiding Pengurusan Kehakiman, suatu resolusi diluluskan apabila majoriti, mengikut nilai, mereka yang hadir dan mengundi, sendiri atau melalui proksi, telah mengundi dengan memihak kepadanya.

(2) Sebarang resolusi adalah tidak sah jika mereka yang mengundi menentanginya termasuk lebih separuh mengikut nilai daripada pemiutang-pemiutang yang telah dikirimkan dengan notis mesyuarat itu dan yang, sepanjang kepercayaan pengerusi, bukan orang-orang yang ada kaitan dengan syarikat tersebut. Seseorang itu ada kaitan dengan suatu syarikat jika —

(a) dia adalah —

- (i) seorang pengarah bagi syarikat tersebut;
- (ii) orang yang menurut arahan atau suruhannya pengarah-pengarah bagi syarikat tersebut biasa bertindak;
- (iii) seorang suami atau isteri atau saudara orang yang disebut dalam perenggan kecil (i) atau (ii); atau

(b) jika dia berhak secara langsung atau tidak langsung untuk menjalankan atau mengawal perjalanan satu pertiga atau lebih dari kuasa mengundi pada sebarang mesyuarat agung syarikat tersebut.

(3) Pengerusi mesyuarat tersebut hendaklah menyebabkan supaya minit prosidingnya dicatatkan dalam buku minit syarikat tersebut.

(4) Minit tersebut hendaklah termasuk satu senarai pemiutang-pemiutang yang telah menghadiri, sendiri atau melalui proksi, dan jika suatu jawatankuasa tak formal pemiutang-pemiutang telah ditubuhkan, nama-nama dan alamat-alamat mereka yang dilantik atau dipilih untuk menjadi ahli-ahli jawatankuasa tersebut.

Notis kepada pemiutang.

37. (1) Dalam masa 14 hari dari berakhirnya mesyuarat pemiutang-pemiutang untuk menimbangkan cadangan Pengurus Kehakiman, Pengurus Kehakiman hendaklah mengirimkan notis mengenai keputusan mesyuarat tersebut termasuk, jika berkenaan, butir-butir cadangan yang diluluskan, kepada tiap-tiap pemiutang yang telah menerima notis mengenai mesyuarat tersebut di bawah Aturan-Aturan ini, dan kepada mana-mana pemiutang lain yang kemudiannya diketahui oleh Pengurus Kehakiman.

(2) Dalam masa 14 hari dari tamatnya setiap tempoh 12 bulan yang bermula dari tarikh cadangan Pengurus Kehakiman itu diluluskan, Pengurus Kehakiman hendaklah mengirimkan kepada semua pemiutang syarikat tersebut suatu laporan mengenai perkembangan Pengurusan Kehakiman.

(3) Setelah mengosongkan jawatan Pengurus Kehakiman hendaklah mengirimkan kepada pemiutang-pemiutang suatu laporan mengenai Pengurusan Kehakiman sehingga waktu pengosongan jawatan tersebut. Laporan itu tidaklah payah dikirimkan jika Pengurusan Kehakiman langsung disusuli dengan syarikat tersebut diletakkan dalam penyelesaian hutang piutang, atau apabila Pengurus Kehakiman dipecat dari jawatan oleh Mahkamah.

Jawatankuasa tak formal pemiutang-pemiutang.

38. (1) Pengurus Kehakiman boleh pada bila-bila masa yang dianggapnya bersesuaian, menubuhkan suatu jawatankuasa tak formal pemiutang-pemiutang bagi maksud-maksud Pengurusan Kehakiman.

(2) Jawatankuasa tak formal pemiutang-pemiutang itu hendaklah membantu Pengurus Kehakiman dalam menunaikan tugas-tugasnya, dan bertindak berhubung dengannya mengikut cara sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari masa ke semasa.

Penetapan ganjaran.

39. (1) Tertakluk kepada kuasa-kuasa Mahkamah di bawah bab 149L(1)(c), ganjaran Pengurus Kehakiman hendaklah ditetapkan menurut aturan ini.

(2) Ganjaran Pengurus Kehakiman hendaklah ditentukan oleh Mahkamah, dengan mengambil kira masa yang sepatutnya diberikan oleh Pengurus Kehakiman dan firma, pekerja-pekerja atau ejen-ejennya dalam memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang berbangkit dalam Pengurusan Kehakiman.

(3) Dalam membuat penentuan tersebut, Mahkamah hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang berikut —

(a) kerumitan ataupun selainnya kes itu;

(b) sebarang hal bagaimana, berhubung dengan urusan syarikat tersebut, tanggungjawab yang luar biasa bentuk atau tahapnya dipikul oleh Pengurus Kehakiman;

(c) keberkesanan kewajipan-kewajipannya yang sedemikian yang ternyata dijalankan, atau telah dijalankan oleh Pengurus Kehakiman; dan

(d) nilai dan jenis harta yang perlu diuruskan olehnya.

(4) Jika Pengurus Kehakiman adalah seorang akauntan atau peguambela dan peguamcara dan menggunakan firmanya sendiri, atau mana-mana rakan kongsi atau pekerjaanya, untuk bertindak bagi pihak syarikat tersebut, kos keuntungan hendaklah dibayar melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya.

Pelupusan harta yang dicagarkan, dll.

40. (1) Pengurus Kehakiman berhak —

(a) untuk melupuskan sebarang harta syarikat tersebut tertakluk kepada suatu sekuriti seolah-olah harta itu tidak tertakluk kepada sekuriti tersebut;

(b) untuk melupuskan apa-apa barang yang dimiliki oleh syarikat tersebut di bawah suatu perjanjian sewa beli seolah-olah semua hak pemilik di bawah perjanjian sewa beli itu terletak pada syarikat tersebut; dan

(c) untuk menghendaki supaya mana-mana penerima atau pengurus semua atau mana-mana bahagian harta syarikat tersebut mengosongkan jawatan.

(2) Jika harta dilupuskan di bawah aturan kecil (1), pemegang sekuriti itu atau pemilik barang-barang tersebut mempunyai keutamaan berkaitan dengan sebarang harta syarikat tersebut yang secara langsung atau tidak langsung merupakan harta yang dilupuskan sama seperti yang sepatutnya dipunyainya berkaitan dengan harta tersebut tertakluk kepada sekuriti itu atau berkaitan dengan barang-barang tersebut.

(3) Kecuali jika Pengurus Kehakiman menghendaki untuk menggunakan semua atau sebahagian dari hasil suatu pelupusan di bawah aturan kecil (1) bagi maksud-maksud perdagangan syarikat tersebut, hasil bersih pelupusan tersebut hendaklah digunakan bagi melepaskan jumlah wang yang dicagarkan dengan sekuriti itu atau kena dibayar di bawah perjanjian sewa beli tersebut.

(4) Jika Pengurus Kehakiman menghendaki untuk menggunakan semua atau sebahagian dari hasil suatu pelupusan di bawah aturan kecil (1) bagi maksud-maksud perdagangan syarikat tersebut, pemegang sekuriti itu atau pemilik barang-barang tersebut mempunyai keutamaan berkaitan dengan sebarang harta lain syarikat tersebut sama seperti yang sepatutnya dipunyainya di bawah aturan kecil (2) seolah-olah harta lain syarikat tersebut secara langsung atau tidak langsung merupakan harta yang dilupuskan.

(5) Dalam aturan ini sebutan-sebutan kepada perjanjian sewa beli termasuk perjanjian penjualan bersyarat, perjanjian pajakan catel dan perjanjian pengekalan hakmilik.

Pengenaan aturan 40.

41. Aturan 40 dikenakan kepada pelupusan harta oleh Pengurus Eksekutif suatu syarikat menurut bab 149E(4) seolah-olah ungkapan "Pengurus Kehakiman" digantikan dengan ungkapan "Pengurus Eksekutif" di mana saja ungkapan "Pengurus Kehakiman" terdapat dalam aturan 40.

Jumlah wang yang kena dibayar berkaitan dengan kontrak pekerjaan.

42. (1) Bagi maksud-maksud bab 149M(4), jumlah wang yang kena dibayar berkaitan dengan kontrak-kontrak pekerjaan yang diterima pakai oleh Pengurus Kehakiman adalah hanya jumlah wang yang kena dibayar berkaitan dengan liabiliti kelayakan di bawah kontrak-kontrak tersebut.

(2) Bagi maksud-maksud aturan kecil (1), liabiliti kelayakan adalah hanya liabiliti yang —

(a) merupakan liabiliti untuk membayar suatu jumlah wang melalui upah atau gaji atau sumbangan kepada suatu skim pencen pekerjaan; dan

(b) berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan setelah kontrak itu diterima pakai,

dan hendaklah tidak diambil kira sebanyak mana dari sebarang liabiliti kelayakan yang merupakan liabiliti atau pembayaran berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan sebelum kontrak itu diterima pakai.

Pengenaan aturan 42.

43. Aturan 42 dikenakan kepada jumlah wang yang kena dibayar menurut bab 149E(6) seolah-olah —

(1) ungkapan "Pengurus Kehakiman" digantikan dengan ungkapan "Pengurus Eksekutif" di mana saja ungkapan "Pengurus Kehakiman" terdapat dalam aturan 42; dan

(2) ungkapan "bab 149M(4)" digantikan dengan ungkapan "bab 149E(6)" di mana saja ungkapan "bab 149M(4)" terdapat dalam aturan 42.

Lien yang tidak boleh dikuatkuasakan.

44. (1) Jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman telah dibuat, lien atau hak lain untuk memiliki sebarang dokumen syarikat tersebut tidak boleh dikuatkuasakan setakat mana penguatkuasaannya akan menafikan pemilikan sebarang dokumen tersebut oleh Pengurus Kehakiman.

(2) Ini dikenakan kepada lien ke atas dokumen-dokumen yang memberikan hakmilik kepada harta dan dipegang sedemikian.

(3) Dalam aturan ini "dokumen" mempunyai makna yang diberikan oleh bab 149G(3).

Pengenaan aturan 44.

45. Aturan 44 dikenakan jika Pengurus Eksekutif telah dilantik seolah-olah —

(1) ungkapan "Jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman telah dibuat" digantikan dengan ungkapan "Jika Pengurus Eksekutif telah dilantik" dalam aturan kecil (1) aturan 44; dan

(2) ungkapan "Pengurus Kehakiman" digantikan dengan ungkapan "Pengurus Eksekutif" dalam aturan kecil (1) aturan 44.

Ringkasan wang masuk dan pembayaran.

46. (1) Pengurus Kehakiman hendaklah —

(a) dalam masa 2 bulan setelah tempoh 12 bulan berakhir dari tarikh lantikannya, dan setiap tempoh 12 bulan yang berikutnya; dan

(b) dalam masa 2 bulan setelah dia tidak lagi bertindak sebagai Pengurus Kehakiman,

mengirimkan kepada Mahkamah, dan kepada Pendaftar Syarikat, akaun-akaun yang diperlukan bagi wang masuk dan pembayaran syarikat tersebut.

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan Pengurus Kehakiman, melanjutkan tempoh 2 bulan yang disebutkan di atas.

(3) Akaun-akaun hendaklah dalam bentuk ringkasan yang menunjukkan —

(a) wang masuk dan pembayaran dalam tempoh 12 bulan yang berkenaan; atau

(b) jika Pengurus Kehakiman tidak lagi bertindak, wang masuk dan pembayaran dalam tempoh mulai dari berakhirnya tempoh 12 bulan yang lalu hingga masa dia tidak lagi bertindak. Sebagai pilihan, jika tidak ada ringkasan yang dahulu, wang masuk dan pembayaran dalam tempoh sejak dia dilantik menjadi Pengurus Kehakiman.

Perletakan jawatan.

47. (1) Pengurus Kehakiman boleh memberi notis mengenai perletakan jawatannya atas alasan tidak sihat atau kerana terdapat percanggahan kepentingan, atau perubahan hal keadaan diri, yang menghalang atau menyebabkannya tidak mungkin dapat menunaikan seterusnya kewajipan-kewajipannya sebagai Pengurus Kehakiman.

(2) Pengurus Kehakiman boleh, dengan kebenaran Mahkamah, memberi notis mengenai perletakan jawatannya atas alasan selain dari alasan yang dinyatakan dalam aturan kecil (1).

(3) Pengurus Kehakiman mestilah memberi kepada orang-orang yang dinyatakan di bawah notis sekurang-kurangnya 7 hari mengenai niatnya untuk meletak jawatan, atau untuk memohon kebenaran Mahkamah bagi meletak jawatan —

(a) jika Pengurus Kehakiman berterusan ada bagi syarikat tersebut, kepadanya;

(b) jika Pengurus Kehakiman tiada, kepada jawatankuasa tak formal pemiutang-pemiutang; dan

(c) jika Pengurus Kehakiman tiada dan jawatankuasa tak formal pemiutang-pemiutang tidak ada, kepada syarikat tersebut dan pemiutang-pemiutangnya.

Pengurus Kehakiman mati.

48. (1) Tertakluk seperti berikut, jika Pengurus Kehakiman telah mati, adalah menjadi kewajipan wakil-wakil dirinya untuk memberi notis mengenai kematian Pengurus Kehakiman itu kepada Mahkamah, dengan menyatakan tarikhnya mati.

(2) Ini tidaklah payah dibuat jika notis telah diberikan di bawah mana-mana perenggan aturan ini yang berikut.

(3) Jika Pengurus Kehakiman yang mati itu adalah rakan kongsi dalam suatu firma, notis boleh diberikan oleh rakan kongsi dalam firma tersebut.

(4) Notis mengenai kematiannya itu boleh diberikan oleh mana-mana orang dengan mengemukakan kepada Mahkamah sijil kematian yang berkenaan atau satu salinannya.

Kekosongan.

49. Jika suatu kekosongan berlaku kerana kematian, perletakan jawatan ataupun selainnya dalam jawatan Pengurus Kehakiman, Mahkamah boleh dengan perintah mengisikan kekosongan tersebut.

Pelepasan.

50. Pengurus Kehakiman mendapat pelepasannya —

(1) jika dia telah mati, pada masa notis diberikan kepada Mahkamah di bawah aturan 49;

(2) dalam sebarang hal lain, pada masa sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah.

Pengenaan aturan-aturan 47 hingga 50.

51. Aturan-aturan 47 hingga 50 kedua-duanya termasuk dikenakan kepada perletakan jawatan, kematian dan pelepasan Pengurus Eksekutif suatu syarikat seolah-olah ungkapan "Pengurus Kehakiman" digantikan dengan ungkapan "Pengurus Eksekutif" di mana saja ungkapan "Pengurus Kehakiman" terdapat.

Perlindungan kepentingan pemiutang dan ahli.

52. (1) Pada bila-bila masa apabila suatu perintah Pengurusan Kehakiman berkuatkuasa, seorang pemiutang atau ahli boleh memohon kepada Mahkamah dengan petisyen bagi suatu perintah di bawah aturan ini atas alasan —

(a) bahawa urusan, perniagaan dan harta syarikat tersebut sedang atau telah diuruskan oleh Pengurus Kehakiman dengan cara yang menjejaskan secara tidak adil kepentingan pemiutang-pemiutang atau ahli-ahlinya pada amnya, atau sebahagian daripada pemiutang-pemiutang atau ahli-ahlinya termasuk setidak-tidaknya dirinya; atau

(b) bahawa sebarang perbuatan Pengurus Kehakiman yang sebenar atau cadangan adalah menjejaskan atau mungkin menjejaskan demikian.

(2) Atas permohonan bagi suatu perintah di bawah aturan ini Mahkamah boleh membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk memberi-

kan pelepasan berkaitan dengan perkara-perkara yang diadukan, atau membuat sebarang perintah lain yang difikirkannya patut.

(3) Suatu perintah di bawah aturan ini tidaklah boleh menjejaskan atau menghalang —

(a) pelaksanaan sebarang tolak ansur atau penyusunan yang diizinkan oleh Mahkamah di bawah bab 151; atau

(b) jika permohonan itu dibuat lebih dari 28 hari setelah cadangan di bawah aturan 26 dibenarkan, pelaksanaan cadangan tersebut.

Tidak dikenakan dan penganalan aturan 52.

53. (1) Aturan 52 tidak dikenakan jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman telah dibuat atas petisyen Menteri Kewangan dan satu-satunya tujuan atau salah satu tujuan yang hendak dicapai dengan pembuatan perintah tersebut adalah bagi menggalakkan kepentingan awam.

(2) Aturan 52 dikenakan jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman telah dibuat atas petisyen Menteri Kewangan dan satu-satunya tujuan yang hendak dicapai dengan pembuatan perintah tersebut adalah bagi salah satu maksud atau lebih yang dinyatakan dalam bab 149I, tetapi dalam hal tersebut tiada permohonan di bawah aturan 50(1) boleh dibuat kecuali dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan dan tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, sebagaimana yang mungkin dikehendaki olehnya.

Lanjutan masa.

54. (1) Mahkamah boleh, dalam sebarang hal jika difikirkannya patut, melanjutkan atau memendekkan masa yang ditentukan oleh Aturan-Aturan ini atau ditetapkan oleh sebarang perintah Mahkamah bagi melakukan sebarang perbuatan.

(2) Dalam semua prosiding di hadapan Mahkamah, atau mana-mana Pendaftar atau pegawainya, atau yang atasnya Mahkamah mempunyai bidang kuasa di bawah Aturan-Aturan ini, jika tiada peruntukan lain dibuat oleh Aturan-Aturan ini, amalan dan prosedur hendaklah menurut aturan-aturan dan amalan Mahkamah melainkan jika dalam sebarang prosiding tertentu Mahkamah mengarahkan sebaliknya.

Petisyen dll. hendaklah dimeterai.

55. Dalam sebarang hal jika difikirkannya patut, Mahkamah boleh mengarahkan bahawa semua atau mana-mana bahagian sebarang petisyen, affidavit, laporan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

atau dokumen lain, atau salinannya, hendaklah dimeterai dan tidak terbuka untuk pemeriksaan oleh mana-mana orang kecuali dengan kebenaran Mahkamah dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Mahkamah."

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rejab, tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 6 haribulan Oktober, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM